

G A R A M D A N T E R A N G D U N I A :
MERAYAKAN, MENDENGAR DAN BERJALAN BERSAMA DALAM SEMANGAT
PERSEKUTUAN, PENYERTAAN DAN MISI (MATIUS 5:13-16).

FOKUS BULANAN KEPIMPINAN PELAYAN


MENGAMATI DALAM KEPIMPINAN

Perhimpunan Pastoral Wilayah (RPA) yang sebelum ini bersidang sebagai Konvensyen Pastoral Semenanjung Malaysia (PMPC), akan diadakan pada hujung bulan ini, sejurus sebelum Hari Merdeka. Memandangkan perbincangan baru-baru ini mengenai sinodaliti dan berjalan bersama sebagai Gereja di Malaysia; ia adalah masa yang baik untuk kita merenung sikap kita sendiri terhadap kepimpinan: **apakah yang sebenarnya kita harapkan daripada orang lain dan diri kita sendiri sebagai pemimpin?**



“Pemimpin yang baik memupuk kepimpinan dalam orang lain.”

Paus Fransiskus



Seperti bani Israel yang mengadu kepada Musa tentang kekurangan makanan di padang pasir, kita kadang-kala mengeluh tentang kegagalan pemimpin manusia kita. Setiap tindakan atau inisiatif yang mereka lakukan, positif atau negatif menjadi bahan perbincangan dan kritikan. Walau apa pun alasannya; kita sering mempunyai pendapat tentang apa yang mereka patut lakukan atau bagaimana mereka harus bertindak, menegaskan bahawa mereka memenuhi jangkaan kita sebagai 'pemimpin yang melayani'.

Begitu juga, dalam bacaan Injil, orang Yahudi pergi kepada Yesus untuk menjadikan Dia Raja mereka, mengharapkan Dia menyediakan keperluan mereka. Namun, Yesus menarik perhatian mereka kepada fakta bahawa mereka sebenarnya tidak mencari seorang pemimpin untuk membawa mereka ke Kerajaan Allah, tetapi seorang yang akan memenuhi keperluan material mereka. "Sesungguhnya kamu mencari Aku, bukan kerana kamu telah melihat tanda-tanda, melainkan kerana kamu telah makan roti itu dan kamu kenyang." Dia memberitahu mereka, "Bekerjalah bukan untuk makanan yang akan dapat binasa, melainkan untuk makanan yang bertahan sampai kepada hidup yang kekal, yang akan diberikan Anak Manusia kepadamu."

Maka, dalam bacaan kedua, Paulus menyeru agar kita meninggalkan keinginan-keinginan khayalan untuk Kerajaan Allah; menggemakan kata-kata Yesus untuk bekerja untuk makanan yang kekal. Dalam kesibukan kehidupan seharian, baik pemimpin mahupun pengikut, kadang-kadang kita lupa apa yang sebenarnya penting, lupa yang kekal untuk menyedapkan selera sementara.

Oleh itu, marilah kita mengambil masa ini sebagai peluang untuk merenung diri kita dan apa yang kita cari dalam pemimpin kita. Adakah kita hanya menunggu orang lain memimpin sahaja untuk mengadu kepimpinan mereka selepas itu? Sejauh manakah kita menyokong dan menggalakkan pemimpin kita dalam memahami kehendak Allah dan bukannya agenda mereka sendiri? Marilah kita diingatkan akan kata-kata Yesus, "Bukan Musa yang memberi kamu roti dari surga, tetapi BapaKu yang memberi kamu roti yang benar yang memberi hidup kepada dunia."✠

Ayat Suci
Minggu ini:

Keluaran 16: 2-4, 12-15

Mazmur 77: 3-4, 23-25,
54

Efesus 4: 17, 20-24

Yohanes 6: 24-35